

<b>TARIKH</b>	KHAMIS, 6 JANUARI 2022
<b>AKHBAR</b>	BERITA HARIAN
<b>TAJUK ARTIKEL</b>	MALAYSIA PERLUKAN PERUBAHAN MINDA, CARA KERJA
<b>M/S</b>	33
<b>BIDANG</b>	MANAGEMENT
<b>KATA KUNCI</b>	MANAGEMENT

## Malaysia perlukan perubahan minda, cara kerja



Contohi Scotland yang menyediakan tampon atau tuala wanita percuma untuk semua murid sekolah, pelajar kolej dan universiti. (Foto hiasan)

**Kuala Lumpur:** Malaysia boleh mencontohi Scotland yang menjadi negara pertama di dunia memberi produk kebersihan percuma bagi mengatasi kemiskinan haid.

Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Rojanah Kahar, berkata selain meluluskan undang-undang berkaitan isu haid, Scotland menyediakan tampon atau tuala wanita percuma untuk semua murid sekolah, pelajar kolej dan universiti.

"Jika ingin mengikuti Scotland, Malaysia perlu memastikan penggunaan pendekatan sektor pelbagai, selain memastikan pelaksanaannya diselenggarakan bagi mengelakkan lebihan sumbangan atau kecaciran.

"Apa yang penting data terperinci dan sistem yang telus.

Kita perlu belajar daripada pengalaman lampau terutama ketika menghadapi krisis bencana," katanya.

Beliau, bagi komuniti miskin bandar isu kemiskinan haid bukan keutamaan kerana hanya mahu keperluan asas untuk kelangsungan hidup.

"Kemiskinan juga punca masalah sosial. Jadi kita perlu selami masalah dialami kumpulan ini.

"Mungkin mereka tiada pekerjaan, pendapatan, tempat tinggal selesa dan selamat, bekalan api, air dan sanitasi," katanya.

Namun, kesedaran mengenai isu kemiskinan haid juga mesti ditangani secara holistik melalui pendekatan perspektif ekologi dengan semua sistem bergabung tenaga bagi melaksanakan secara sistematik.

Selain itu, ibu bapa pula boleh

menggunakan pendekatan keibubapaan yang berkesan dan positif termasuk bercakap dengan anak mengenai haid, manakala pada peringkat sekolah guru membantu menyampaikan maklumat aspek kesihatan kepada murid.

Komuniti juga perlu cakna dengan isu kemiskinan di samping kerajaan melalui bantuan NGO melaksanakan advokasi membabitkan pelbagai kementerian.

"Bentuk satu modul advokasi seragam pada peringkat kebangsaan bagi melatih modal insan babitkan semua peringkat dan agensi bertujuan membantu kumpulan sasaran.

"Ia boleh dilakukan selaras Dasar Keluarga Negara. Kita perlukan perubahan minda dan cara kerja bagi membantu keluarga Malaysia keluar daripada masalah sosial," katanya.

**DISEDIAKAN OLEH**

**1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM**  
**2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM**  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM